



AKTA KOPERASI 1993

PERINTAH PEMBAYARAN KEPADA KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

PADA menjalankan kuasa-kuasa Suruhanjaya di bawah perenggan 57(2)(a) Akta Koperasi 1993 yang diwakilkan kepada saya di bawah subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, saya, **DATO' MANGSOR BIN SAAD**, Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ini menentukan bahawa 2% daripada untung bersih teraudit bagi setiap tahun kewangan yang diperoleh oleh tiap-tiap koperasi kecuali -

- a) koperasi yang untung bersih terauditnya adalah kurang daripada lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) mulai tahun kewangan berakhir 30 Jun 2009; dan
- b) koperasi sekolah,

sebagai jumlah wang yang kena dibayar oleh koperasi itu kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi.

2. Perintah Pembayaran Kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi bertarikh 2 Januari 2008 adalah dengan ini dibatalkan.

Dibuat 6 November 2009

[SKM.IP(AM)224SJ.2Jld.9]

DATO' MANGSOR BIN SAAD
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia